MASAALAH ZIKIR ALLAH TA'ALA SECARA TUNGGAL

AL-FADHIL MAULANA AHMAD LUTFI حفظه الله تعالى

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

نحمده ونصلي ونسلم على رسوله الكريم، أما بعد:

Menyantuni Dr Rozaimie . Siri 1

(Masaalah zikir ALLAH secara tunggal)

1- Tulisan ini merupakan kritikan terhadap tulisan Dr Rozaimie dalam 'post' beliau seperti dibawah

https://www.facebook.com/DrRozaimiRamle/posts/1917823934911764

[Zikir Allah Allah Secara Mufrad (Tunggal): Suatu Pencerahan]

Sebahagian orang mula panas apabila saya memberitahu bahawa guru saya yang mulia tidak bersetuju dengan zikir Allah Allah sehingga digelarkannya dengan gelaran Pak Pandir.

Sehinggakan ada seorang ustaz yang kalah saman fitnah pun nak masuk campur juga dalam isu ini. Saya kira jangan gopoh sangatlah nak menghentam. Takut terfitnah orang lagi. Cukuplah sekali kena saman fitnah.

Mereka membawa beberapa dalil dari al-Quran dan hadis untuk mengatakan zikir Allah Allah ini ada fadhilatnya.

Isu yang dibahaskan di sini ialah adakah lafaz Allah Allah itu suatu zikir khusus yang sunat hukumnya secara khusus? Maka guru saya yang mulia menyebutkan bahawa beliau tidak menjumpai dalam mana-mana hadis Nabi berzikir dengan lafaz Allah Allah secara tunggal (mufrad) tanpa ada ayat lain yang mengirinya yang memberi maksud seperti Alhamdulillah (segala puji bagi Allah), Subhanallah (Maha Suci Allah), Allahuakbar (Allah Maha Besar).

Apa yang penting ialah perlu dibezakan antara keharusan menyebut lafaz Allah dengan galakan menyebut Allah Allah sebagai zikir khusus. Jika yang nak dibincangkan ialah keharusan menyebut lafaz Allah Allah maka sudah semestinya ia boleh seperti mana Bilal menyebut lafaz Ahad Ahad untuk mengikrarkan tauhidnya kepada Tuhan yang satu. Bahkan lafaz Bilal itu ada lafaz yang dihazafkan (tidak disebut tetapi difahami pada konteks ayat) iaitu Allah ahad (Allah yang satu). Ia tetap memberikan makna dari sudut struktur ayat.

Adapun perinciannya saya jawab seperti berikut:

1. Mereka bawa beberapa ayat al-Quran untuk isu ini. Tetapi semua dalil al-Quran yang mereka bawa tidak ada satu pun yang jelas menunjukkan zikir Allah Allah itu suatu yang dituntut. Lihat dalil al-Quran yang mereka kemukakan:

واذكر اسم ربك

Maksudnya: sebutlah nama Tuhanmu.

Tidak ada dalam ayat ini sesuatu yang menunjukkan galakkan menyebit lafaz Allah Allah secara mufrad. Al-Qurtubi menjelaskan:

أي ادعه بأسمائه الحسنى... وقيل أي اقصد بعملك وجه ربك، وقال سهل: اقرأ بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ في ابتداء صلاتك

Maksudnya: iaitu berdoalah dengan nama-Nya yang baik. Dikatakan juga maknanya ialah tuntutlah dengan amalan baikmu keredaan Tuhanmu. Kata Sahl: bacalah bismillahirrahmanirrahim di awal solatmu.

Manakala ayat:

قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ

Ayat ini kuga langsung tidak ada galakan jelas menyebut Allah Allah secara mufrad. Sebaliknya ayat ini ialah arahan dari Allah kepada Nabi untuk menjawab persoalan siapakah yang menurunkan kitab kepada Musa. Maka jawapannya Allah. Kata al-Tabari:

أمر من الله لنبيه محمد ﷺ أن يجيب استفهامه هؤلاء المشركين عما أمره باستفهامهم عنه بقوله: قل من أنزل الكتاب الذي جاء به موسى نورا وهدى، بقيل " الله ".

Manakala ayat:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ

Ayat ini juga tidak terdapat galakan berzikir Allah Allah secara mufrad dengaj jelas. Sebaliknya kata al-Qurtubi:

اذكروني بالطاعة أذكركم بالثواب والمغفرة، قاله سعيد بن جبير وقال أيضا: الذكر طاعة الله فمن لم يطعه لم يذكره وإن أكثر التسبيح والتهليل وقراءة القرآن

Maksudnya: sebutkanlah Aku dengan ketaatan aku akan menyebut kamu dengan pahala dan keampunan. Ini yang disebutkan oleh Said bin Jubair. Dia berkata lagi: zikir adalah ketaatan kepada Allah, siapa yang tidak taat maka dia tidak ingat Allah walaupun dia banyak bertasbih, tahlil dan baca al-Quran.

2. Antara dalil hadis yang digunapakai oleh mereka yang panas hati ini ialah hadis berikut:

(لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى لَا يُقَالَ فِي الْأَرْضِ اللَّهُ اللَّهُ)

Maksudnya: tidak akan berlaku kiamat sehingga tidak ada lagi disebut di dunia ini Allah Allah. (HR Muslim)

Hadis yang dijadikan sandaran ini tidaklah boleh menjadi dalil dalam isu ini kerana sebab berikut:

i. Untuk memahami maksud mana-mana hadis kita perlu mengumpulkan riwayat-riwayat bagi hadis yang sama. Inilah yang dilakukan Imam Muslim dalam sahihnya, Ibn Hajar dalam Fathul Bari dan ulama lain dari kalangan Ahlussunnah.

ii. Melihat kepada riwayat-riwayat hadis ini jelas bahawa ia tidak seperti yang difahami oleh golongan yang panas hati. Sebaliknya ia menunjukkan bahawa sewaktu kiamat berlaku tidak ada orang yang menyembah Allah. Maksudnya kiamat hanya berlaku pada orang yang tidak bertauhid kerana orang yang bertauhid akan mati dahulu. Buktinya riwayat lain bagi hadis ini menyebutkan:

(لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ عَلَى أَحَدٍ يَقُولُ : لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّه)

Maksudnya: tidak berlaku kiamat ke atas seseorang yang menyebut: tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah.

Riwayat ini dinukilkan oleh Imam Ahmad, Ibn Hibban dan lain-lain lagi.

Tafsiran ini selari dengan hadis lain yang menyebutkan bahawa sebelum kiamat nanti Allah akan menghantar angin mematikan semua orang yang ada iman dalam jiwanya.
Kata Amru bin al-Aas:

ثم يرسل الله ريحا باردة من قبل الشام فلا يبقى على وجه الأرض أحد في قلبه مثقال ذرة من خير أو إيمان إلا قبضته....قال: سمعتها من رسول الله ﷺ

Maksudnya: kemudian Allah menghantar angin sejuk dari arah Syam dan tidak ada atas dunia seirang yang dalam jiwanya sebesar zarah kebaikan atau iman melainkan akan dimatikan...aku mendengar ini dari Nabi sallallah alaih wasallam.

ii. Tidak sesuai menggunakan riwayat ini untuk mengatakan berzikir dengan lafaz Allah Allah sunat secara khusus. Berikut beberapa komentar ulama silam terhadap hadis ini:

- kata al-Tibi:

معنى (حتى لا يقال) حتى لا يذكر اسم الله ولا يعبد

Makna "sehingga tidak disebut" dalam hadis bermaksud: sehingga tidak disebut lagi nama Allah dan Allah tidak disembah lagi.

- kata al-Munawi:

وليس المراد أن لا يتلفظ بهذه الكلمة ، بل أنه لا يذكر الله ذكرا حقيقيا ، فكأنه لا تقوم الساعة وفي الأرض إنسان كامل ، أو التكرار كناية عن أن لا يقع إنكار قلبي على منكر ؛ لأن من أنكر منكرا يقول عادة متعجبا من قبحه " الله الله " فالمعنى : لا تقوم الساعة حتى لا يبقى من ينكر المنكر

Maksudnya: bukanlah hadis ini bermaksud lafaz Allah tidak disebut langsung, tetapi ia tidak disebut secara hakiki, seolah-olah maksudnya tidak berlaku kiamat sedangkan dalam dunia insan yang sempurna. Ataupun ulangan lafaz Allah (Allah Allah) merupakan kiasan tentang tidak berlaku penentangan pada jiwa ke atas sesuatu kemungkaran (pada zaman itu) kerana oraang yang mengingkari kemungkaran akan berkata pada kebiasannya kerana terkejut dengan keburukannya:

Allah Allah.

Maka makna hadis ini: tidak akan berlaku kiamat sehinggalah tidak wujud lagi orang yang meningkari kemungkaran.

Di mana lafaz dalam hadis ini yang mengatakan sunat zikir lafaz Allah secara khusus? Saya tidak menjumpainya.

iii. Jika benar maksud hadis ini seperti mana yang didakwa oleh orang yang panas hati. Maka adakah bermakna kiamat akan berlaku walaupun orang yang berzikir dengan zikir yang ada dalam hadis dengan lafaz yang lengkap? Ini kerana mereka meninggalkan lafaz Allah Allah secara mufrad (tunggal)? Sedangkan hadis sahih menyebutkan bahawa sebelum kiamat Allah akan menghantar angin yang akan mematikan semua orang yang beriman?

4. Jika anda masih berkeras mahu kata ia sunnah juga dengan mengatakan ada ulama yang membenarkannya, saya akui memang ada ulama yang membenarkannya. Dan ada juga yang mengatakan zikir seperti ini tiada dalilnya. Apa pun terpulanglah kerana kita masing-masing membawa amalan di hadapan Allah. Saya cuma boleh kata, sebaik zikir ialah zikir yang diajarkan oleh Nabi Muhammad sallallah alaih wasallam. Zikir Nabi dalam hadis semuanya dalam bentuk ayat yang lengkap seperti Allahu akbar, Subhanallah dan seumpamanya. Cuba tanya diri, apakah yang menyebabkan kita berat melengkapkan ayat dalam zikir seperti yang dianjurkan Nabi? Berbahagialah orang yang memegang petunjuk baginda dalam ibadat walau digelar pak pandir.

Dr Rozaimi Ramle

https://www.facebook.com/DrRozaimiRamle/videos/1921249671235857/

[Jawapan Kepada Ustaz Berserban Tentang Zikir Allah Allah]

Viral video seorang ustaz berserban menjawab orang yang melarang sebutAllah Allah secara mufrad.

Oleh kerana video itu tersebar luas dan ustaz berkenaan salah faham maksud orang yang membantah perkara ini maka saya perlu menjawabnya. Maka saya jawab seperti berikut:

1. Qismain itu dua bahagian wahai ustaz. Bukannya 4 bahagian seperti yang ustaz sebut. Saya mulanya ingat ustaz ini tersasul dan tersasul itu biasa dalam kuliah. Tapi apabila ustaz ini ulang 2 kali qismain itu bermakna 4 bahagian siap tunjuk isyarat 4 jari lagi maka tahu lah saya bahawa ustaz silap dalam terjemahan. Silap itu biasa kerana kita adalah manusia. Saya juga tersilap. Namun kita perlu akui kesilapan kita. Namun ustaz perlu lazimi kamus arab.

2. Ustaz membawakan ayat al-Quran:
قل الله ثم ذرهم في خوضهم يلعبون

Saya katakan bahawa pemahaman kepada dalil bukanlah dalil kerana pemahaman boleh jadi salah. Dalam kes ini jelas ustaz menyalahgunakan ayat untuk memenangkan pandangan ustaz. Ayat ini tidak menyentuh langsung tentang zikir Allah Allah. Jom kita lihat ayat ini secara penuh:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِنْ شَيْءٍ ۗ قُلْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى لِلنَّاسِ ۖ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا ۖ وَعُلِّمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ ۖ قُلِ اللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ)

Maksudnya: mereka tidak mengagungkan Allah dengan selayaknya apabila mereka mengatakan Allah tidak menurunkan sesuatu ke atas manusia. Katakan (wahai Muhammad) siapa yang menurunkan kitab yang dibawa oleh Musa yang merupakan cahaya dan hidayah bagi manusia? Kamu (Yahudi) menjadikannya lembaran kertas yang kamu zahirkan sebahagiannya dan sembunyikan sebahagian besarnya dan kamu diajar dengan sesuatu yang kamu dan ayah kamu tidak tahu? Katakanlah (wahai Muhammad) Dialah Allah. Kemudian biarkanlah mereka bermain dalam kebatilan mereka.

Jika diperhatikan ayat ini tidak bercerita tentang zikir langsung. Ia bercerita tentang sikpa orang Yahudi yang suka menafikan kebenaran. Lalu ayat "katakanlah Allah" itu adalah jawapan bagi persoalan yang terdapat dalam ayat ini.

Lihat apa kata mufassirin:

i. Kata al-Tabari:

وأما قوله: " قل الله "، فإنه أمرٌ من الله جل ثناؤه نبيَّه محمدًا ﷺ أن يجيبَ استفهامَه هؤلاء المشركين

Maksudnya: adapun kata Allah: katakanlah Allah, ia merupakan arahan dari Allah kepada Nabi-Nta Muhammad untuk menjawab persoalan-Nya (siapakah yang menurunkan kitab kepada Musa) kepada orang musyrikin.

ii. Kata al-Qurtubi:

" قل الله " أي قل يا محمد الله الذي أنزل ذلك الكتاب على موسى "

Maksudnya: katakanlah Dia Allah, iaitu katakanlah wahai Muhammad Dialah Allah hang menurunkan kitab ke atas Musa.

3. Jika ustaz nak kata saya nak juga kata ayat ini memang boleh jadi dalil untuk zikir Allah Allah semata. Dan lafaz Allah itu ada makna walau tanpa ayat. Saya jawab begini:

i. Ayat ini tidak ada kaitan langsung dengan zikir yang kita sedang bahaskan. Perbuatan menggunakan ayat ini untuk zikir adalah cubaan ustaz mengubah konteksnya.

ii. Ustaz mempertikaikan orang yang kata zikir Allah Allah tiada makna sedangkan lafaz Allah ada makna. Ustaz, yang dimaksudkan di sini bukan makna lafaz tapi makna ayat. Sebab itu dikatakan sebutan Allah itu tidak "mufid" memberi faedah iaitu makna yang pendengar boleh diam apabila mendengarnya. Jika disebut Allah Allah, maka pendengar layak bertanya: awak nak kata Allah itu apa? Jika dia berkata: Allahuakbar. Barulah pendengar akan faham: owh, Allah maha besar. Itu maksud faedah yang dibincangkan di sini.

Ustaz masih ragu-ragu? Baiklah saya bawakan tafsiran ibn kathir supaya kita sama-sama tengok:

وقوله : (قل الله) قال علي بن أبي طلحة ، عن ابن عباس : أي : قل : الله أنزله . وهذا الذي قاله ابن عباس هو المتعين في تفسير " هذه الكلمة ، لا ما قاله بعض المتأخرين ، من أن معنى) قل الله) أي : لا يكون خطاب لهم إلا هذه الكلمة ، كلمة : " الله وهذا الذي قاله هذا القائل يكون أمرا بكلمة مفردة من غير تركيب ، والإتيان بكلمة مفردة لا يفيد في لغة العرب فائدة يحسن السكوت عليها

Maksudnya: "Firman Allah: katakanlah Dia Allah, kata Ali bin Abi Talhah dari Ibn Abbas: maksudnya ialag katakanlah wahai Muhammad: Allah lah yang menurunkannya. Tafsiran Ibn Abbas terhadap kalimah inilah tafsiran yang sepatutnya. Tidak sepertimana yang disebutkan oleh sebahagian orang yang terkemudian bahawa makna: katakanlah Dia Allah itu tidak ada jawapan bagi mereka itu melainkan semata-mata lafaz ini iaitu lafaz Allah. Pandangan ini bermaksud bahawa perintah Allah ini hanyalah menyebut lafaz Allah secara tunggal tanpa susunan ayat.

MENDATANGKAN LAFAZ TUNGGAL SEBENARNYA TIDAK MEMBERIKAN MAKNA (FAEDAH) DALAM BAHASA ARAB YANG MEMBOLEHKAN PENDENGAR DIAM (KETIKA MENDENGARNYA)"

Lihat apa kata Ibn Kathir bila menyebutkan bahawa lafaz tunggal tidak memberikan makna (mufid) dalam ayat.

Adakah Ibn Kathir pada ustaz pengikut Dajjal dan Yahudi kerana mengatakan sebutan Allah semata tidak mufid? Saya pasti ustaz tidak berani berkata begitu.

4. Ustaz bawakan pula hadis: Tidak berlaku kiamat sehingga tidak disebut lagi Allah Allah. Sebenarnya saya sudah jelaskan maksud hadis ini dalam tulisan yang lepas. Mungkin ustaz tidak membaca penjelasan saya. Saya jelaskan sekali lagi secara ringkas:

i. Untuk memahami hadis kita perlu mengumpulkan semua riwayat. Melihat kepada riwayat-riwayat hadis ini jelas bahawa ia tidak seperti yang difahami oleh ustaz. Sebaliknya ia menunjukkan bahawa sewaktu kiamat berlaku tidak ada orang yang menyembah Allah. Maksudnya kiamat hanya berlaku pada orang yang tidak bertauhid kerana orang yang bertauhid akan mati dahulu. Buktinya riwayat lain bagi hadis ini menyebutkan:
(لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ عَلَى أَحَدٍ يَقُولُ : لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّه)
Maksudnya: tidak berlaku kiamat ke atas seseorang yang menyebut: tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah.

Riwayat ini dinukilkan oleh Imam Ahmad, Ibn Hibban dan lain-lain lagi.

ii. Ibn al-Arabi memberi komentar tentang hadis ini dalam al-Awasim min al-Qawasim:

Diriwayatkan lafaz Allah secara baris depan dan baris atas. Jika baris atas maknanya: tidak wujud lagi (waktu kiamat) orang yang bertauhid yang berzikir kepada Allah. Jika baris atas maka maknanya: tidak wujud lagi orang yang mengerjakan amar makruf dan nahi munkar.

Nukilan yang hampir sama juga ibn al-arabi sebutkan dalam Ahkam al-Quran.

Jelas di sini hadis ini bukan seperti mana yang ustaz faham.

5. Ustaz berkata lagi: jika subhanallah wajar disebut, maka nama Allah lebih wajar disebut.

Saya katakan: di sini saya lihat ustaz sudah mula mencampurkan dua benda. Saya tidak kata salah menyebut nama Allah. Yang dibincangkan ialah menjadikan zikir Allah Allah sebagai zikir khusus. Ia bukan sekadar menyebut lafaz Allah. Jangan campur aduk 2 benda wahai ustaz.

6. Ustaz sebut lagi hadis lelaki yang berzikir kepada Allah dalam sembunyi sehingga menangis.

Benar ustaz, hadis itu sahih. Namun saya tidak nampak dalam lafaz hadis itu galakan menyebut Allah Allah secara mufrad sebagai zikir. Bahkan jika kita merujuk kepada zikir-zikir Nabi, semua zikir baginda dengan ayat yang lengkap semisal Subhanallah, Alhamdulillah, Allahuakbar, La ilaha illallah. Maka golongan yang membantah zikir mufrad tidak menolak hadis ini. Sebaliknya mereka faham zikir dalam hadis itu adalah zikir yang ditunjukkan oleh Nabi ialah ayat yang sempurna. Soalan yang ustaz harus jawab ialah mengapa ustaz tidak ajak manusia berzikir dengan ayat yang sempurna seperti yang Nabi amalkan dan anjurkan? Adakah begitu berat lidah kita menuturkan sesuatu yang Nabi sendiri kata ia ringan di lidah dan berat di timbangan amal? Sama-sama kita fikirkan.

Namun sekali lagi saya tidak nafikan sememangnya ada ulama yang benarkan. Namun, zikir dengan ayat sempurna itu lebih baik. Walau bagaimanapun, mengatakan yang membantah sebagai pengikut dajjal dan yahudi itu sangat tidak wajar.

Dr Rozaimi Ramle

>>>

Kritikan dan jawapan daripada al-Fadhil Maulana Ahmad Lutfi

2- Ia ditulis secara " laff nasyr ghair murattab " . Hanya disusun mengikut kesesuaian munasabah dan maqam

3- Tahrir mahall niza' تحرير محل النزاع
Penting untuk ditentukan apa sebenarnya yang Dr Rozaimie mahu katakan tentang masaalah ini. Dalam video beliau dengan jelas menyatakan "siapa kata ada faedah" iaitu dalam berzikir Allah Allah dan perkataan beliau seterusnya menggambarkan hadirin secara makna bahawa ini adalah rekaan ulama dan mereka bukan Nabi.

Dalam post pertama beliau telah nyatakkan pandangannya ialah tidak digalakkan menyebut Allah Allah sebagai zikir khusus

Namun dalam post kedua beliau menggambarkan masalah ini sebagai khilaf kerana ada ulama yang mengharuskan

Saya tidak pasti adakah wujud unsur 'spin' atau tafsil ba'da ijmal

4- Permasaalahan ini sebenarnya berpaksikan metodologi dalam memahami keabsahan bida'h hasanah atau tidak dan ia menjadi punca pandangan-pandangan kritis dari Dr terhadap banyak isu yang diangkat beliau. Selagi Dr Rozaimie berpuas hati dengan hujah yang menolak bidaah hasanah maka selagi ltu titik temu tidak akan dijumpai

5- Menghukumnya sebagai tiada faedah@ bida'h makruhah ialah lanjutan dari pendapat Sheikh Ibnu Taymiyah dan anak muridnya Ibnu Qayyim. Kerana itu saya mengatakan ia adalah memberi nyawa semula kepada himpunan ilmu Sheikh Ibnu Taymiyah. Beliau dilihat begitu bersungguh menafikan amalan zikir Allah Allah dalam fatawa nya. Tidak ada ulama lain yang menulis sepanjang beliau menurut pengetahuan saya. Maulana Syabbir Usmani menyifatkan perbuatan Sheikh Ibnu Taymiyah sebagai اطنب اطنابا بليغا

Menyantuni Dr Rozaimie Siri 2

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

6- Dr Rozaimie menyangkal istidlal para ulama dengan membawa ayat واذكر اسم ربك tentang galakkan zikir mufrad .

Beliau membawa petikan tafsir Qurtubi berkenaan dengan ayat ini yang tidak dinyatakan oleh Imam Qurtubi sebagai menunjukkan galakkan zikir mufrad bahkan Imam Qurtubi memberi tafsiran yang lain

7- Saya tidak memahami apa manhaj yang dipegang oleh beliau. Adakah apabila Imam Qurtubi atau seseorang mufassir tidak mentafsirkan sesuatu ayat dengan sesuatu tafsiran maka tafsiran itu akan menjadi salah .
Adapun jika Dr Rozaimie tidak nampak sisi mana ayat ini yang menunjukkan galakkan zikir mufrad maka itu tiada kaitan dengan istidlal dan hujah itu hanya terpakai untuk beliau amalkan seorang diri dan tidak boleh digunakan untuk ilzam khasam الزام الخصم

8- Apabila sesuatu tafsir tidak bertentangan dengan kaedah bahasa Arab dan qawaid syara' dan musallamat maka ia boleh menjadi salah satu wajah dalam mentafsir ayat

9- Ulama yang beristidlal dengan ayat ini (walaupun Dr menggelarkan mereka golongan panas hati) Berkata ayat ini menyebut " sebutlah Nama Tuhanmu " dan zahir ayat ini menyuruh menyebut nama Tuhan .

10- Maka nama Tuhan kita ialah Allah. Lalu kalimah Allah disuruh sebut didalam ayat ini dan ia dimaksudkan dalam ayat ini secara دخولا اوليا

11- Jika Dr ingin membantah tafsir ini maka nyatakan dari sisi mana ia bertentangan dengan bahasa Arab, Qawaid syarak dan musallamat

12- Adapun membawa satu tafsir yang tidak sama dengan tafsir "golongan hati panas " maka tidak ada markah untuk hujah itu kecualilah jika Imam Qurtubi menyebut secara sorih tidak boleh ditafsir begini

13- Itupun ia tidak boleh menjadi حجة ملزمة

Menyantuni Dr Rozaimie siri 3

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

14 - Saya cuba jenguk- jenguk kitab tafsir yang lain adakah mereka ada mentafsir ayat ini selain dari apa yang di tafsir oleh Imam Qurtubi maka saya dapati mereka ada mentafsir selain dari tafsiran Imam Qurtubi . Dan adakah kita boleh mengatakan tafsiran mereka salah kerana ia tidak disebut oleh Imam

15- Jawabannya sudah tentu tidak . Jika tidak maka dimana punca dikatakan tafsiran "golongan panas hati " yang merujuk kepada zikir mufrad itu salah

16- Tafsiran ulama terhadap ayat سورة المزمل . واذكر اسم ربك yang tidak terdapat dalam Tafsir Qurtubi

Tafsir Ibnu Kasir اكثر من ذكره

Tafsir Jalalain قل بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ في ابتداء قراءتك

Tafsir Baidhowi واذكر اسم ربك ودم على ذكره ليلا ونهارا

Tafsir Baghowi واذكر اسم ربك بالتوحيد والتعظيم

16 - Apabila kita melihat tafsir-tafsir ini maka kita dapati bukan semua makna boleh difahami hanya dengan zahir ayat bahkan ada yang mentafsirkannya berdasarkan isyarat nas اشارة النص dan ada yang berdasarkan takwil nas تأويل النص

17- Namun selagi ia tidak bertentangan dengan konteks ayat , bahasa Arab , qawaid syarak dan musallamat maka ia masih boleh diterima . Tinggal lagi tafsiran mana yang lebih rajih dan afdhal

Menyantuni Dr Rozaimie .Siri 4

(Massalah zikir Allah secara tunggal)

18- Saya akan menjamu pembaca dengan tafsiran tentang ayat ini oleh Maulana Qadhi Muhaddis Sanaullah al- Usmani . Beliau seorang ulama ulung pada zamannya berasal dari Pani Pat India mempelajari fekah dan hadis dari Shah Waliyullah Muhaddis Dehlawi. Kerana mendalamnya ilmu beliau dalam bidang hadis dan fekah maka Sayyid Abdul Aziz Dehlawi memberi gelaran Baihaqi zamannya.

19- Tafsiran beliau seperti berikut (intisari)
" Berkemungkinan juga maksud ayat ini ialah berzikir dengan lidah bersama dengan hati dan maksud sentiasa berzikir ialah sentiasa dan berterusan secara uruf iaitu mengikut kemampuan manusia. Zikir lisan seperti ini akan membawa kepada ' tabattul ' (memutuskan diri dari makhluk dan berhubung hanya dengan Allah)

Berdasarkan takwil dan tafsir ini terdapat isyarat kepada BERZIKIR DENGAN MENGULANG - ULANG ISIM ZAT (lafaz Allah)

Dan didalam ayat رب المشرق والمغرب لا اله الا هو terdapat isyarat kepada kekuasaan Allah yang meliputi seluruh mumkinat dan isyarat kepada zikir nafi dan isbat لا اله الا الله

Dan kedua-dua zikir ini adalah asas kepada tariqah arbab kamalat al wilayah

Dengan ini baru jelas perbezaan antara معطوف و معطوف عليه
Diantara tiga ayat قم الليل و رتل القران و اذكر اسم ربك

Empat amal ini adalah jalan menuju kepada mendekatkan diri kepada Allah dan memperolehi darjat

1- Solat
2- Membaca Quran
3- Zikir mufrad (mengulang lafaz Allah)
4- Zikir nafi dan isbat (mengulang لا اله الا الله

Tafsir al- Mazhari 7/111

Menyantuni Dr Rozaimie .Siri 5
(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

20 - Sebelum saya ingin meneruskan kritikan saya ingin menasihati Dr Rozaimie supaya jangan menuduh apa yang orang tidak katakan. Beliau mengatakan dalam post keduanya ketika mengkritik Ustaz Kamarudin Toyo

" Soalan yang ustaz harus jawab ialah mengapa ustaz tidak ajak manusia berzikir dengan ayat yang sempurna seperti yang Nabi amalkan dan anjurkan? Adakah begitu berat lidah kita menuturkan sesuatu yang Nabi sendiri kata ia ringan di lidah dan berat di timbangan amal? Sama-sama kita fikirkan."

Sejak bila orang yang mengatakan boleh berzikir dengan zikir mufrad tidak mengajak manusia dengan zikir sempurna. Sampai pula dituduh berat lidah menuturkan zikir-zikir lain

21- Di akhir post kedua beliau mengatakan

" Namun sekali lagi saya tidak nafikan sememangnya ada ulama yang benarkan. Namun, zikir dengan ayat sempurna itu lebih baik. Walau bagaimanapun, mengatakan yang membantah sebagai pengikut dajjal dan yahudi itu sangat tidak wajar."

- Beliau tidak menerangkan secara jujur bahawa ini pandangan majoriti ulama Islam . Dan banyak berlaku beliau mengangkat pendapat syaz dan membayangkan seolah-olah ia yang paling rajih bahkan hak

- Kalau khilaf masaalah ini seputar yang mana lebih afdhal maka mengapa perlu disindir dikutuk dengan pelbagai gelaran mereka yang berpandangan boleh bahkan mustahab

- Ataupun perkataan beliau di post terakhir ini adalah spin dari kegopohan awal beliau ketika mengulas masaalah ini seperti dalam video

22 - Saya dapati banyak hujah beliau sama dan sebiji seperti yang terdapat dalam forum diskusi dalam internet oleh salafi Arab . Sama ada ia adalah 'copy paste ' atau ia hanya secara kebetulan. Namun saya tiada masaalah dengan hujah copy paste sekiranya hujah itu betul

Menyantuni Dr Rozaimie . Siri 6

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

23- Saya ingin mengulas pernolakan Dr Rozaimie terhadap hujah ulama yang mengharuskan zikir berdasarkan hadis riwayat Muslim

عن أنس رضي الله عنه أن رسول الله ﷺ قال: لا تقوم الساعة حتى لا يقال في الأرض : الله الله

Dalam satu riwayat dalam Muslim

لا تقوم الساعة على أحد يقول : (الله الله)

Beliau berhujah dengan tiga bentuk

1- Dengan mentafsirkannya dengan tafsiran lain dengan mengambil kira datang dalam riwayat lain dengan lafaz yang berbeza . Ia adalah kaedah جمع الطرق seperti yang dilakukan oleh Hafiz Ibn Hajar

2- Dengan membawa tafsir ulama terhadap hadis ini iaitu Imam Tibie dan Munawi

3- Dengan membawa hujah akli secara mafhum mukhalafah

24- Sebelum saya meneruskan hujah saya ingin menzahirkan kepelikan terhadap urutan hujah Dr Rozaimie jika dilihat pada cara beliau berhujah maka ia menunjukkan perbuatan zikir mufrad ini tidak harus/tiada faedah namun jika baca petikan akhir post keduanya beliau gambarkan bahawa zikir mufrad adalah tidak afdhal

Soalannya tidak harus/tiada faedah atau tidak afdhal ?
Berbeza sangat kedua-dua hukum tersebut

Kepala hujah tidak sama dengan ekornya dan muqaddimah hujah berbeza dengan natijahnya. Apapun, Dr Rozaimie yang layak menjawab kepelikan ini

25- Menjawab hujah pertama

Menjama'kan riwayat hanya diperlukan apabila berlaku
percanggahan diantara riwayat, apabila ada riwayat yang tidak jelas dan mujmal maknanya, apabila ada keringkasan dalam sesebuah riwayat, apabila zahir makna batil dalam sesebuah riwayat

Didalam riwayat ini dan riwayat Imam Ahmad , Ibn Hibban dan Hakim serta satu riwayat dari Ibnu Abi Ja'far yang menyatakan

" Bahawa tidak akan berlaku kiamat terhadap orang yang mengucap لا اله الا الله "

Lafaz Allah Allah tidak perlu ditakwilkan dengan lafaz La ilah ilallah kerana tiada percanggahan antara keduanya dan ia adalah zikir orang Islam dan ucapan mereka dan ia sesuai dengan hadis yang dibawa oleh Dr Rozaimie yang menyatakan orang Islam akan dimatikan dahulu sebelum berlaku kiamat

Seperti mana lafaz لا اله الا الله menunjukan tauhid maka lafaz Allah Allah juga menunjukan tauhid apabila diucap oleh orang Islam.

hadis ini ingin menyatakan kiamat tidak akan berlaku selagi ada orang Islam .Menyebut لا اله الا الله dan lafaz Allah Allah adalah tanda orang islam. Zikir pertama dipanggil nafi dan isbat manakala zikir kedua diipanggil zikir ismu zat

Mungkin Dr akan berhujah dalam hadis ini sebut dua kali sahaja sedangkan ahli sufi sebut beribu kali. Saya tidak fikir Dr akan berhujah dengan hujah dangkal ini. Cuba fikir jika dua kali sudah memberi manfaat 'menahan kiamat' bagaimana pula jika beribu kali

Imam Qurtubi dalam kitabnya yang membicarakan asmaul husna mentafsirkan hadis ini dengan katanya apabila menjelang kiamat lafaz ALLAH akan dicabut dari lidah orang yang engkar sehingga kalimah Allah langsung tiada yang sebut maka barulah berlaku kiamat

Tafsiran seperti ini lebih benar kerana masih mengamlkan makna zahir kedua-dua riwayat , Dr Rozaimie biasa dengar kaedah
" Menggunakan kedua-dua dalil lebih baik dari meninggalkan salah satu dari keduanya "

اعمال الدليلين اولي من اهمال احدهما

26- Bukankah mentakwilkan Allah Allah dengan لا اله الا الله adalah perbuatan takwil dengan syubhah yang sangat ditahzir olek kawan-kawan Dr Rozaimie

27- Jika mahu ditarjihkan maka riwayat Allah Allah lebih afdhal dengan beberapa sebab
- Imam Nawawi berkata semua naskah kitab Muslim meriwayatkan hadis ini dengan mengulang lafaz Allah Allah

- Hanya satu riwayat dari Ibnu Abi Jaafar yang meriwayatkan dengan لا اله الا الله

- Riwayat dalam kitab Muslim sudah tentu lebih kuat berbanding kitab lain
(Bagaimana mungkin di"paksa" riwayat Muslim yang diriwayat oleh majoriti untuk mengikuti lafaz riwayat-riwayat yang lain

- Dari segi makna riwayat lafaz Allah Allah lebih kuat dan bersesuaian dengan maqam iaitu

- Hadis ini ialah tentang tanda kiamat maka Nabi ingin menyatakan bahawa bila menjelang kiamat bukan setakat lafaz لا اله الا الله tidak diucapkan bahkan lafaz Allah Allah

(Walaubagaimanapun saya tidak berpandangan dengan cara jam' turuq dan tarjih dalam hadis ini)

Menyantuni Dr Rozaimie . Siri 7

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

27- Menjawab hujah kedua

Saya suka apabila Dr Rozaimie membawa hujah kedua ini dengan membawa tafsiran Imam Tibie dan Imam Munawi .Saya suka kerana mereka berdua adalah ulama serta beramal dengan tariqah (sila baca riwayat hidup mereka). Justeru ia menunjukkan Dr Rozaimie sudah berjinak-jinak dengan perkataan-perkataan pengamal tariqah

28- Perkataan Imam Tibie sepatutnya tidak boleh menjadi hujah menafikan bahkan mengisbatkan sebutan zikir Allah Allah . Cuba baca betul-betul apa yang Imam Tibie tulis
" Makna tidak dikatakan Allah ialah tidak disebut nama Allah dan Allah tidak disembah
حتى لا يذكر اسم الله ولا يعبد

Bukankah perkataan Imam Tibie ini jelas mentafsirkan qawl dengan zikr

- Manakala syarahan Imam Munawi juga jelas menunjukkan maksud hadis ini ialah berzikir dan mengucap kalimah Allah
وليس المراد أن لا يتلفظ بهذه الكلمة ، بل أنه لا يذكر الله ذكرا حقيقيا ، فكأنه لا تقوم الساعة وفي الأرض إنسان كامل

Kata Imam Munawi " Bukanlah maksud hadis semata-mata kalimah Allah tidak dilafazkan bahkan maksud hadis ini (menjelang kiamat) Allah tidak dizikirkan dengan zikir yang sebenar (seperti kalimah Allah diucapkan oleh orang kafir atau orang mulhid)".

29- Adapun orang yang berzikir mereka menyebut kalimah Allah dengan zikir yang hakiki maka sabitlah kebaikan dan faedah menyebut nama Allah

30- Jika Dr Rozaimi ingin tahu Imam Munawi adalah penyokong tegar zikir mufrad

- Didalam kitab yang sama yang Dr Rozaimie petik perkataan Munawi iaitu kitab Faidhul Qadir Imam Munawi telah berkata

قال في فيض القدير ٣٠٩/٢ : (قالوا وليس للمسافر إلى الله في سلوكه أنفع من الذكر المفرد القاطع من الأفئدة الأغيار وهو الله)

Ahli sufi berkata " Tidak ada zikir yang lebih afdhal untuk musafir yang menuju kepada Allah didalam suluknya berbanding zikir mufrad yang memutuskan dan melenyapkan selain dari Allah daripada hati-hati"

- Di tempat lain beliau berkata 3/116 Faidh al-Qadir

ويقعد فارغ القلب مجموع الهم ولا يفرق فكره بقراءة ولا غيرها بل يجتهد أن لا يخطر بباله شيء سوى ذكر الله فلا يزال قائلا) بلسانه : (الله الله) على الدوام مع حضور قلبه إلى أن ينتهي إلى حالة يترك تحريك اللسان ويرى كأن الكلمة جارية عليه ثم يصير إلى أن ينمحي أثره من اللسان فيصادف قلبه مواظبا على الذكر ثم تنمحي صورة اللفظ ويبقى معنى الكلمة مجردا في قلبه لا يفارقه وعند ذلك انتظار الفتح) اه

" Dan hendaklah dia duduk dalam keadaan sunyi hati, tawajjuh dan jangan dia kacau fikirannya dengan amalan lain seperti membaca al-Quran dan lain-lain bahkan hendaklah dia bersungguh-

sungguh sehingga jangan ada lintasan selain dalam hatinya seterusnya berterusan dia mengulang-ngulang dngan lidahnya kalimah Allah Allah .....

وفي شرح حديث أسماء ابنة عميس - قالت : علمني رسول الله ﷺ كلمات أقولهن عند الكرب (الله الله ربي لا أشرك به شيئا) الذي رواه ابن ماجه ١٢٧٧/٢وأبو داود ٨٧/٢ - قال المناوي في شرح الحديث في فيض القدير ٢٨٦/١: (الله الله) وكرره استلذاذا بذكره واستحضارا لعظمته وتأكيدا للتوحيد فإنه الاسم الجامع لجميع الصفات الجلالية والجمالية والكمالية) اه

31- Dalam kitab Tobaqat Sufiah Kubra
" Beliau mengatakan hujah mereka yang menolak zikir mufrad terlalu lemah seperti sarang labah-labah"

Menyantuni Dr Rozaimie . Siri 8

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

32- Menolak hujah ketiga

Hujah ketiga beliau seperti berikut

" Jika benar maksud hadis ini seperti mana yang didakwa oleh orang yang panas hati. Maka adakah bermakna kiamat akan berlaku walaupun orang yang berzikir dengan zikir yang ada dalam hadis dengan lafaz yang lengkap? Ini kerana mereka meninggalkan lafaz Allah Allah secara mufrad (tunggal)? Sedangkan hadis sahih menyebutkan bahawa sebelum kiamat Allah akan menghantar angin yang akan mematikan semua orang yang beriman? "

33- Hujah ini yang paling kurang difahami boleh keluar dari tokoh seperti Dr Rozaimie . (I can't brain)
Mungkin pembaca boleh merasai kejanggalan hujah ini

34- Beliau mengeluarkan mafhum mukholafah yang pelik

Sepatutnya apabila hadis itu berbunyi " Hari kiamat tidak akan berlaku sehinggalah lafaz Allah Allah tidak lagi diucapkan "

Maka mafhumnya " Hari kiamat akan berlaku bila kalimah Allah Allah pun sudah tidak diucapkan

Berdasarkan konteks hadis ini adalah ghayah dan klimaks yang Nabi ingin sampaikan. Iaitu begitu teruknya manusia sehingga kalimah Allah pun tidak diucapkan

Kalau subhanAllah Alhamdulillah dan zikir lain disebutkan lebih-lebih lagi kiamat tidak akan berlaku

36- Dr Rozaimi yang mulia . Walaupun kami tiada PHD tapi jangan bercakap dengan kami macam kami ini bodoh sangat sampai perkara setara ini pun kami tak boleh faham

37- Gunalah mafhum muwafaqah memahami hadis ini iaitu

Jika Allah Allah pun boleh menahan kiamat maka kalimah yang lebih daripada itu lebih-lebih lagilah

38- Kalau Dr salah sangka kami memahami hadis ini seperti yang Dr sangka maka berkat malam Khamis ini kami maafkan

Menyantuni Dr Rozaimie .Siri 9

(Masaalah zikir Allah secara tunggal)

39- Sebelum mengakhiri santunan untuk yang terakhirnya (siri 10) saya ingin menyatakan masaalah ini tidak akan menyebabkan orang panas hati jika Dr Rozaimie merespon nya dengan baik

40- Perkara yang tidak boleh diterima apabila menyebut ia tiada faedah dan mengejek golongan yang memakai logo capal Nabi di songkok dan membayangkan bahawa golongan zikir mufrad sebagai membuat ulama mereka macam Nabi

41- Dr Rozaimi tidak perlu mengikut Sheikh Ibnu Taymiyah dalam masaalah ini yang bersifat keras ketika mengulasnya sehingga berkata " Zikir begini hanya dibuat oleh ضلال المتأخرين golongan yang sesat dari kalangan mutaakhirin

42- Syabas Dr dihujung post kedua agak reda sikit dengan mengatakan ia tidak afdhal . Walaupun ramai orang kata itu spin atau u turn tapi apa salahnya kalau kearah yang lebih hak. Saya anggap ia adalah رجوع . Semua pembaca perlu menerima rujuk beliau

43- Senarai nama yang membenarkan dan mengamalkan terlalu agong tokohnya yang agak kurang sopan dilayan hujahnya macam seperti budak " Jibam "

44- Nama seperti

Sheikh Junaid Baghdadi , Sheikh Zakariyya al- Ansori , Sheikh Ibnu Hajar al- Haitamy, Imam al-Munawi, Sheikh Waliyullah Muhaddis Dehlawi, Imam al- Munawi, Para muhaddisini aliran Deoband dan banyak lagi

45- Tidak semudah itu gunung - gunung ini boleh dihadapi

Menyantuni Dr Rozaimie . Siri 10 (Akhir)

Masaalah zikir Allah secara tunggal

46- Saya seperti Dr Rozaimi tidak bersetuju ayat
" قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ "

dijadikan dalil untuk mengisbatkan zikir mufrad. Berdasarkan siyaq dan sabaq ayat (konteks ayat) maka ia tidak boleh menunjukkan kepada saranan zikir mufrad secara mantuq atau mafhum

47- Namun saya bersetuju ia boleh diambil istinbat tentang zikir mufrad berdasarkan tafsir isyari (lihat perbahasan tafsir isyari karangan Sheikh Abd Fattah Qudaish al-Yafie , Maulana Asyraf Ali Tanwi dalam muqaddimah kitab beliau Masail Suluk dan penerangan tentang Tafsir sufi oleh Shah Waliyullah Dehlawi dalam al-Fawzul al-Kabir bersama syarahnya al-Aun al-Kabir

48- Berkata Sheikh Ibnu Ajibah sebahagian mufassirin telah mengkritik para sufi yang beristidlal dengan ayat ini . Namun sebenarnya mereka tidak memahami maksud dan kehendak mereka

Maksud mereka ialah

" Ucapkanlah lafaz Allah dengan hatimu dan ruhmu dan hilangkan dirimu dari selain Allah kemudia biarkan orang lain tenggelam didalam selain Allah dan bemain dengan hawa nafsu mereka "

Para sufi tetap mengakui makna zahir sesebuah ayat yang mereka huraikan secara tafsir isyari

Seperti para sahabat menggunakan ayat yang diturunkan untuk orang kafir di praktikkan untuk diri mereka. Sedangkan jika dilihat konteks ayat maka ia langsung tidak merujuk kepada diri mereka

Walaupun ayat diatas diturunkan tentang orang Yahudi namun diambil iktibar untuk diri sendiri

49- Maulana Asyraf Ali Tanwi berkata
" Masaalah - masaalah tasauf ada dua bahagian bahagian pertama ia ditunjukkan oleh oleh al-Quran dengan kaedah-kaedah dalalah yang muktabar disisi ahli ilmu dan ijtihad secara nas. Ia dinamakan TAFSIR < ISTINBAT< FIQH

Yang kedua Tidak ada petunjuk kepadanya secara mantuk dan secara qias berdasarkan persamaan pada illat syarak tetapi dia ada petunjuk secara tidak langsung berdasarkan munasabat dan perkaitan Jenis ini dipanggil i'tibar الاعتبار

50- Imam Zarkasyi berkata didalam kitab usul tafsirnya al-Burhan
" Adapun huraian ahli sufi didalam mentafsir al-Quran ada pendapat mengatakan ia bukanlah tafsir tetapi ia adalah tindak balas jiwa dan sentuhan perasaan yang mereka rasai ketika membaca al-Quran

Contohnya sebahagian ahli sufi berkata tentang ayat ini
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قَاتِلُوا الَّذِينَ يَلُونَكُم مِّنَ الْكُفَّارِ
" Wahai orang yang beriman perangilah orang-orang kafir yang berdekatan dengan kami "

Berkata sebahagian ahli sufi tentang ayat ini
" Maksusnya ialah nafsu. Kerana kita disuruh memerangi orang yang dekat dengan kita dan yang paling dengan kita ialah nafsu "

Banyak pakar tafsir membincangkan tentang kalam ahli sufi berkaitan sesebuah ayat

Kesimpulannya ayat ini tidak menunjukkan kepada zikir mufrad secara istinbat mantuk dan mafhum namun ia boleh dimbil isyarat nya dan dibawa kepada masaalah ini.

Sumber: facebook ustaz Abu Hanifah
https://www.facebook.com/photo.php?fbid=926735621133322&set=a.139981413142084&type=3&theater

Himpunan link status ilmiah dari Maulana Ahmad Lutfi Abu Faqeh tentang Menyantuni Dr Rozaimi "Masaalah zikir ALLAH secara tunggal". (isu zikir Allah Allah)

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 1
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/942597649249119?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 2
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/942898109219073?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 3
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/943438269165057?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 4
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/943527455822805?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 5
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/943887609120123?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 6
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/943915885783962?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 7
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/943945282447689?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 8
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/944055709103313?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 9
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/944469549061929?sfns=mo

Masaalah zikir ALLAH secara tunggal Siri 10 (Akhir)
https://www.facebook.com/100004966779883/posts/944509239057960?sfns=mo

Disusun oleh: Ahmad Fikrie Bin Fauzi

16 Jun 2020/ 24 Syawal 1441 H